

08 JUN 1999

Mahathir-Pilihan raya

MAHATHIR: BN MEMPUNYAI LEBIH CERAH MEMENANGI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang lebih cerah untuk menang pada pilihan raya akan datang.

"Sama ada kita memperolehi majoriti dua pertiga, itu perkara lain tetapi itupun, kita masih mempunyai peluang yang baik," kata beliau.

"Dan kita percaya di Malaysia, mempunyai kerajaan yang kuat bermakna kerajaan yang mempunyai majoriti yang kukuh di Parlimen, justeru itu, kita tidak bimbang dengan tindakan mereka yang berpaling tadah," kata beliau pada taklimat media yang dihadiri oleh 14 wartawan asing di sini hari ini.

Mereka termasuk wakil dari CNBC Asia, The Australian Financial Review dan The Observer dari Britain yang dalam lawatan enam hari ke Malaysia anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sementara itu, Dr Mahathir berkata sejumlah besar pengundi baru yang berdaftar dalam semakan pemilih baru-baru ini tidak mencerminkan bantahan masyarakat terhadap pemenjaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, keadaan ini disebabkan kerajaan menggalakkan rakyat mendaftar sebagai pemilih bagi membolehkan mereka mengundi pada pilihan raya akan datang.

"Saya percaya ramai orang telah mendaftar kerana mereka tahu pilihan raya semakin hampir," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau, kira-kira 600,000 pengundi baru telah mendaftar dan kebanyakan mereka ialah penyokong kerajaan.

Dr Mahathir juga berkata proses pilihan raya di Malaysia sememangnya berjalan dengan "bebas dan adil" sejak merdeka pada 1957.

"Di Malaysia, pilihan raya yang bebas dan adil bukan sesuatu yang luar biasa. Ia adalah perkara biasa. Dan mereka (rakyat) menjangka keadaan ini akan berterusan," kata beliau.

-- BERNAMA

NLY FAZ